

**SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK –
INSURANS JAMINAN FIDELITI**

(Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan **Insurans Jaminan Fideliti**. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).

Rujukan kami : 01/06/2018

 Nama penawar khidmat kewangan: **Liberty Insurance Berhad**

 Nama produk: **Insurans Jaminan Fideliti**

Tarikh:

Kontrak Insurans Komersial

Menurut **Perenggan 4(1) Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini **untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Insurans Jaminan Fideliti ialah pelan insurans yang memberi perlindungan ke atas majikan terhadap kerugian wang atau barangan akibat daripada perbuatan khusus penipuan atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh mana-mana pekerja dan telah diketahui ketika dalam perkhidmatan atau dalam tempoh enam bulan selepas perletakan jawatan, kematian, pemecatan atau persaraan pekerja tersebut serta dalam tempoh enam bulan pembatalan polisi, yang mana berlaku dahulu.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

Insurans ini memberi perlindungan terus kepada orang yang diinsuranskan bagi kerugian kewangan yang perlu dikekalkan oleh sebarang perbuatan penipuan atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh pekerja orang yang diinsuranskan.

Kerugian perlu dikekalkan:

- Berkaitan dengan pekerjaan dan tugas-tugas pekerja orang yang diinsuranskan.
- Semasa tempoh jaminan dan pembaharuan dari itu
- Semasa tempoh pekerjaan pekerja tersebut yang tidak terganggu
- Dan ditemui semasa dalam tempoh jaminan atau dalam masa enam bulan selepas itu.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Jumlah minimum premium tahunan ialah RM75.00 bagi satu polisi.

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen Insurans	25%
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	6%

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- Setiap notis atau komunikasi perlu diberi kepada kami secara bertulis.
- Apabila memfailkan tuntutan, anda dikehendaki memberitahu nama pekerja yang melakukan kesalahan kepada kami.
- Adalah menjadi satu peraturan insurans bahawa sebelum seseorang pekerja baru diambil bekerja (selain daripada lepasan sekolah), siasatan akan dilakukan oleh majikan yang diinsuranskan sebelum itu untuk tempoh tiga tahun sebelumnya bagi memastikan bahawa pekerja tersebut adalah seorang yang boleh dipercayai. Rujukan tersebut perlu dikemukakan kepada kami ketika membuat tuntutan.
- Setiap tuntutan mesti dikemukakan kepada kami dalam tempoh dua bulan selepas tarikh sesuatu notis dan disertakan dengan maklumat lengkap serta bukti-bukti yang memuaskan.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Kami tidak bertanggungjawab terhadap:

- Jika mana-mana penindasan atau salah kenyataan sebarang fakta yang mempengaruhi risiko dibuat semasa tempoh insurans.
- Jika langkah berjaga-jaga dan pemeriksaan untuk menjamin ketepatan akaun serta membataskan jumlah wang yang diterima atau diamanahkan kepada mana-mana pekerja pada bila-bila masa tidak diambil perhatian dan dijadikan amalan oleh pihak majikan selaras dengan permohonan yang diberikan.
- Dengan mengambilkira sebarang kerugian yang disebabkan oleh perlakuan yang dilindungi oleh insurans diulangi sekali lagi oleh pekerja yang sama.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi ini).

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada kadar jangka-pendek, di mana sebarang bayaran premium minimum yang dibayar bagi polisi tersebut tidak akan dibayar.

8. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi/surat-menyurat saya?

Adalah penting untuk memberitahu syarikat kami jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat surat-menyurat anda. Ini bagi memastikan bahawa urusan surat-menyurat diterima oleh anda dalam masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila lawati laman web kami di www.libertyinsurance.com.my atau hubungi mana-mana pejabat cawangan kami di seluruh Negara atau

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Liberty Insurance Berhad
Tingkat 10, Menara Liberty,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol : 1-300-888-990
Tel : 03-2619 9000
Faks : 03-2693 0111
www.libertyinsurance.com.my

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS TERSEBUT SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula September, 2018.